



**1. PEGAWAI LUAR  
PEJABAT DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding dalam bidang penggunaan komputer.

Mempunyai Kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang bersesuaian adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Daerah Belait dalam jawatan yang bersesuaian yang berkaitan dengan kerja-kerja luar dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian yang berkaitan dengan kerja-kerja luar dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 6 tahun.
2. Mempunyai kebolehan dalam membuat laporan lisan DAN/ATAU melukis / membaca pelan kedudukan tanah, rumah dan seumpamanya adalah kelebihan.
3. Mempunyai lesen memandu kelas 1 atau 3 yang sah.
4. Berkebolehan dalam menggunakan komputer adalah kelebihan.



#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI LUAR:**

1. Membantu tugas-tugas Pembantu Teknik Kanan.
2. Mengawasi pergerakan kenderaan / motor sangkut, peralatan mesin-mesin dan lain-lain.
3. Mengawasi pemandu-pemandu dan mekanik-mekanik dalam menjalankan kenderaan yang digunakan dari semasa ke semasa.
4. Diarahkan untuk mengawasi projek-projek yang dibuat dalam dan luar Jabatan dari semasa ke semasa jika diperlukan.
5. Meneliti tugas-tugas yang dibuat atas arahan pihak atasan.
6. Menyelaras acara-acara perayaan dengan jawatankuasa lain.
7. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.